

Health Science: Medical Treatment In Prophet's Behaviour Context

Sains Kesihatan: Perubatan Dalam Konteks Tasarrufat Nabawiyyah

Abdul Bari Awang*, Ahmad Akram Mahmad Robbi*

Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 53100, Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding author: abdbari@iium.edu.my

Article history: Received 31 October 2018 Received in revised form: 09 March 2020 Accepted: 11 March 2020 Published online: 30 April 2020

Abstract

This article discusses the characteristics of speeches that come from Prophet Muhammad (PBUH) on his medical prophetic. It aims to clarify *Taṣarrufāt Nabawiyyah* of the Prophet (PBUH) through authentic ahadeeth on medical issues. The diversity of roles of the Prophet (PBUH) has prompted variances between the the jurists in the determination of legal opinion. There are several regarding the roles of the Prophet, for instance the role of being a guider, a mufti, a jurist, a leader and a human being. The consequence of that diversity, Islamic jurists have been arguing with each other to affirm the Syariah ruling on medical issues that came from the Prophetic medical traditions. The qualitative method was used to gather data and information that were consequently analysed. At the completion of the study, it was discovered that *Taṣarrufāt Nabawiyyah* could be one of the factors causing the misunderstanding of authentic ahadeeth on medical issues and thus this is the main reason for the need to understand the legal texts in accordance with Syariah purposes.

Keywords: *Taṣarrufāt Nabawiyyah*, authentic hadeeth, medical issues, shariah purposes, Islamic jurists

Abstrak

Artikel ini membincangkan sifat yang terdapat pada lafaz dan ungkapan Nabi SAW dalam hadis perubatan. Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan *Taṣarrufāt Nabawiyyah* Nabi Muhammad SAW melalui hadis Baginda SAW dalam isu perubatan. Kepelbagaiannya perilaku Nabi Muhammad SAW telah mencetuskan perbezaan pandangan antara para sarjana dalam penetapan sesebuah hukum. Antara perilaku yang dibincangkan oleh para sarjana Islam termasuklah perilaku sebagai pembimbing yang memberi saranan, mufti, hakim, pemimpin dan sebagai seorang yang bersifat menuasiawi. Kesan daripada perbezaan ini, para sarjana Islam telah berselisih pandangan dalam menetapkan hukum yang datang daripada hadis berkaitan dengan perubatan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu pengumpulan data dan maklumat, serta penganalisisan data. Kajian ini mendapat bahawa *Tasarrufat Nabawiyyah* merupakan antara faktor terjadinya salah faham terhadap hadis-hadis berkaitan perubatan, dan menjadi asas dalam usaha memahami nas yang bertepatan dengan Maqasid Syariah berdasarkan konteks yang tepat.

Kata kunci: *Taṣarrufāt Nabawiyyah*, hadis, isu-isu perubatan, maqasid syariah, sarjana Islam.

© 2020 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENDAHULUAN

Menjaga kesihatan dan merawat segala macam penyakit merupakan tuntutan yang dianjurkan agama Islam. Kedua-dua elemen ini menjadi wasilah kepada tercapainya tuntutan Maqasid Syariah yang menganjurkan penganut agama Islam untuk menjaga kesihatan jiwa dan nyawa. Anjuran bagi menjaga kesihatan diri dan merawat penyakit ini boleh didapati dalam hadis Nabi Muhammad SAW. Apabila para sahabat ditimpa penyakit, maka Nabi Muhammad SAW memberikan jalan keluar kepada mereka. Tema besar kesihatan yang dianjurkan Islam melalui analisis hadis Nabi Muhammad SAW termasuklah pencegahan primer yang menganjurkan agar manusia mengelakkan diri mereka daripada terlibat dengan sebarang aktiviti atau suasana sekitar yang kondusif terhadap pemberian penyakit, dan pencegahan sekunder iaitu langkah pencegahan daripada sebarang penyakit dengan mekanisme ubat-ubatan, vaksin atau barang-barang perubatan yang lain (Kamal Hassan, 2018).

Hadis Nabi Muhammad SAW berkaitan perubatan menjadi rujukan dari zaman ke zaman, dan dikaji kemukjizatannya serta khasiat ubat yang Baginda SAW syorkan bagi penyakit tertentu. Oleh itu, banyak kajian dibuat terhadap herba seperti habatussauda dan madu, juga teknik rawatan seperti berbekam yang dijalankan oleh sarjana baik dari Timur mahupun Barat. Antara kajian yang telah dilaksanakan termasuklah fungsi habatussauda yang mampu menyembuhkan penyakit seperti selsema (Ibn al-Qayyim, 2010), madu yang digunakan sebagai alternatif untuk merawat sakit perut manusia (Ibn al-Qayyim, 2014), dan merawat luka serta memeliharanya daripada jangkitan kuman dan bakteria (Linda Rafter, Tim Reynolds, Mark Collier dan Mark Rafter, 2017).

Manakala, dari perspektif hadis perubatan pula, para sarjana Islam berselisih pandangan terhadap kedudukan hadis perubatan dalam perundangan Islam. Faktor perselisihan mereka berpunca daripada perbezaan kefahaman konteks hadis-hadis perubatan Nabi Muhammad SAW. Kajian terhadap teks hadis dan konteks riwayat ini tidak terkecuali daripada isu yang diketengahkan dalam *Tasarrufāt Nabawiyah*. *Tasarrufāt Nabawiyah* difahami sebagai perilaku Baginda SAW secara umum, iaitu kata-kata, perbuatan dan ikrarnya (Al-'Uthmānī, 2002). Oleh itu, berdasarkan kenyataan berikut, setiap ucapan, perbuatan dan akurnya Nabi Muhammad SAW terikat kepada kepelbagaiannya *taṣarrufāt* (perilaku) Baginda SAW, seterusnya memberikan implikasi hukum tertentu berdasarkan situasi dan konteks tertentu.

Setiap kata dan perbuatan Nabi SAW tidak boleh diletakkan pada darjah atau kedudukan yang sama disebabkan oleh peranan Baginda SAW berbeza-beza. Baginda merupakan seorang pemimpin negara, seorang hakim dan juga seorang mufti serta ketua tentera Islam sewaktu hayat Baginda SAW. Oleh itu, setiap peranan dan tugasannya ini memberikan kesan terhadap perilaku Baginda SAW ketika menyampaikan kata-kata mahupun ketika menzahirkan sesuatu perbuatan.

Apabila membincangkan berkenaan *Tasarrufāt Nabawiyah*, terdapat beberapa tokoh silam yang telah membincangkan isu ini dalam *magnum opus* mereka. Antaranya termasuklah Ibn Qutaybah ad-Dainūrī, Qādī 'Iyādh dan al-Qarāfī (Al-'Uthmānī, 2013). Perbezaan *Tasarrufāt Nabawiyah* menatijahkan hukum yang berbeza dan kedudukan hukum di sisi syarak. Oleh sebab itu, para sarjana Islam berterusan dalam perselisihan mentafsirkan hadis apabila berlaku perbezaan kefahaman mereka dalam menetapkan *taṣarrufāt* Baginda dalam sesuatu hadis.

Kesan daripada perbezaan ini, hadis perubatan juga tidak terlepas daripada perbincangan mereka dalam menentukan status hadis tersebut dalam syarak. Ada dalam kalangan mereka berpandangan bahawa hadis perubatan termasuk dalam kategori hukum syarak seperti solat, zakat, puasa dan haji (Al-Quḍāh, t.t.). Pandangan ini bermaksud bahawa kedudukan hadis perubatan dikategorikan sebagai *ta'abbudī*, iaitu tiada ruang untuk mentafsirkan hadis tersebut serta wajib untuk beramal dengannya. Pandangan lain menyebutkan bahawa hadis perubatan tidak termasuk dalam kategori hukum syarak seperti yang telah dinyatakan, akan tetapi termasuk dalam kategori saranan dan anjuran sahaja (Al-Qardāwī, 2013). Pandangan ini menjelaskan bahawa kedudukan hadis perubatan sebagai nas yang bersifat *mu'allalah*, iaitu urusan yang memiliki ruang untuk berijtihad. Pandangan ini mengambil kira konteks masa dan geografi sesebuah tempat agar implementasi hadis Nabi SAW dalam isu perubatan bersifat fleksibel dan meraikan keadaan sesebuah tempat. Hal ini sama seperti apa yang telah berlaku kepada golongan Muhajirin yang mengalami demam dan wabak sesudah mereka tiba di Madinah (Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, 1960). Angin dan cuaca yang berbeza menjadi punca terjadinya wabak dan sakit kepada golongan Muhajirin (Al-Mubārakfūrī, 2014).

Oleh itu, hadis perubatan Nabi SAW perlu difahami dengan *taṣarrufāt* yang betul seiring dengan kehendak syariat agar tuntutan Maqasid Syariah dapat dicapai. Salah faham terhadap hadis perubatan menatijahkan hukum yang jauh daripada praktik Maqasid Syariah. Hadis Nabi SAW wajar diteliti secara halus dan mendalam agar tidak difahami sekadar lafadz zahirnya, malah perlu difahami dalam konteks yang betul dan makna yang bertepatan selari dengan kehendak syarak. Terdapat sebilangan sarjana yang kurang mahir. Mereka sekadar mengeluarkan sesuatu hukum berdasarkan lafadz nas secara zahir tanpa melihat kepada istilah, *qarīnah* dan konteks yang menjadi sandaran bagi sesuatu hukum (Ibn 'Ashūr, 2004).

■2.0 KAJIAN LEPAS

Antara rujukan penting berkaitan kajian *Tasarrufāt Nabawiyah* termasuklah Ibn Qutaybah ad-Dainūrī yang mengarang kitab *Ta'wīl Mukhtalaf al-Hadīth* dan *As-Syīfā bi Ta'rīf Huqūq al-Muṣṭafā* yang ditulis oleh Qādī 'Iyādh (Qādī 'Iyādh, 1981). Selain itu, *magnum opus* Shihāb al-Dīn al-Qarāfī berjudul *Al-Furūq* juga membincangkan perihal *Tasarrufāt Nabawiyah* secara terperinci. Penulis telah meletakkan perbincangan ini di bawah bab kaedah *Tasarrufāt Nabawiyah* (Al-Qarāfī, 2014). Perbincangan para sarjana silam ini telah dirumuskan oleh tokoh terkemudian seperti Ibn 'Ashūr dalam karyanya *Maqāsid al-Shārī'ah al-Islāmiyah*. Beliau merumuskan perbincangan para sarjana silam dengan meletakkan pengklasifikasiannya terhadap setiap *taṣarrufāt* dengan lebih terperinci (Ibn 'Ashūr, 2004).

Sa'ad al-Dīn al-'Uthmānī telah menyatakan keperluan memahami sunnah dengan manhaj pertengahan, iaitu dengan mengambil kira bahawa *taṣarrufāt* Nabi Muhammad SAW dalam urusan agama dan dunia (Al-'Uthmānī, 2012). Memahami hadis secara zahir seperti aliran al-Zāhirī tidak menatijahkan hukum yang bertepatan dengan saranan agama yang bersifat fleksibel. Oleh itu, perlu untuk memahami nas agama dengan manhaj pertengahan, iaitu memahami nas agama bertepatan dengan yang apa dituntut oleh Maqasid Syariah tanpa merosakkan makna asal nas tersebut (Al-Kilānī, 2000). Pendekatan memahami nas secara literal telah dikritik oleh beberapa sarjana seperti al-Qardāwī (al-Qardāwī, 2008).

Salah faham terhadap sunnah menjadi punca perselisihan para sarjana dalam menentukan hukum hadis, seperti dakwaan bahawa kesemua sunnah bercirikan manusiawi. Dakwaan ini ditolak sama seperti dakwaan bahawa kesemua sunnah bercirikan wahyu ilahi (Al-'Uthmānī, 2012), walhal secara praktikalnya, terdapat sunnah yang dikategorikan sebagai wahyu dan terdapat juga sunnah yang tidak dikategorikan sebagai wahyu. Oleh itu, al-'Uthmānī mengklasifikasikan perilaku baginda kepada lima (Al-'Uthmānī, t.t.):

- 1- Perilaku Nabi SAW bersifat saranan dan bimbining.
- 2- Perilaku Nabi SAW sebagai seorang mufti.
- 3- Perilaku Nabi SAW sebagai seorang hakim.
- 4- Perilaku Nabi SAW sebagai seorang pemimpin.
- 5- Perilaku Nabi SAW bersifat manusiawi dan naluri insan.

Setiap perilaku Nabi SAW menatijahkan hukum yang berbeza, bahkan sudah pasti kedudukannya di sisi syarak juga berbeza. Dari aspek hadis perubatan Nabi SAW, pengkaji tidak menemui kajian dan pandangan khas yang dinyatakan oleh sarjana berkaitan isu *Tasarrufāt Nabawiyah*. Para sarjana sekadar menerangkan kedudukan hadis perubatan secara umum tanpa membincarakan secara terperinci berkaitan *taṣarrufāt* Baginda SAW ketika meriwayatkan hadis perubatan. Kedudukan hadis perubatan Nabi SAW turut diperselisih oleh para sarjana. Pandangan pertama yang mengatakan bahawa hadis perubatan termasuk kategori wahyu yang diilhamkan oleh Allah SWT kepada umat-Nya (Zabīlāh, 2007). Pandangan kedua pula menyatakan bahawa hadis perubatan ialah perilaku Nabi SAW bercirikan manusiawi, iaitu merupakan suatu ijtihad Baginda SAW secara taklid yang diambil oleh umat terdahulu (Al-Andalūsī, 1983).

Berdasarkan kajian yang dijalankan, kefahaman hadis Nabi SAW secara sahih beserta interaksi yang baik melahirkan kudrat dan kemahiran istinbat hukum serta menatijahkan fikah yang mapan yang diperlukan oleh para pengkaji sunnah (Asri, 2006).

Justeru, daripada keterangan yang telah diberikan, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kedudukan hadis-hadis Nabi SAW dalam cabang perubatan dari perspektif hukum syarak. Ia ada bagi melihat sama ada perintah dan saranan Nabi SAW dalam hadis perubatan ini sama situasinya dengan perintah Baginda SAW dalam hal ibadah, atau terdapat ruang tafsiran dan ijtihad pada setiap saranan yang Baginda SAW berikan dalam hal melibatkan perubatan.

■3.0 METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memanfaatkan kaedah analisis kandungan kualitatif. Dalam pengumpulan data, penyelidik menggunakan dokumen dan penyelidikan kepustakaan. Berdasarkan dokumen dan rujukan yang dikumpulkan, proses analisis data dijalankan. Tujuan utamanya adalah untuk mengumpulkan data dalam konteks kajian para sarjana silam serta komentar beberapa sarjana kontemporari dalam isu yang dikaji. Berdasarkan petikan di atas, dapat disimpulkan bahawa penyelidikan kualitatif ialah kajian fenomena dan sesuai bagi kajian teks dan manuskrip silam dengan tujuan untuk memahami pemasalahan yang dikaji dengan menggunakan kaedah pengumpulan data dan maklumat yang pelbagai.

Pengumpulan Data

Fokus perbincangan kajian ini terhadap klasifikasi *tasarrufat* atau perilaku Baginda SAW yang tidak tertumpu pada satu keadaan dan kaedah oleh sarjana Islam yang berinteraksi dengan hadis perubatan Nabi SAW. Pengumpulan data ditumpukan pada bahan terpilih daripada penulisan bertemakan usul fikah, kitab hadis muktabar, kitab silam, penulisan sarjana kontemporari, jurnal ilmiah dan bahan paparan internet yang berautoriti.

Dokumen dan data berkaitan masalah kajian diperoleh daripada perpustakaan di dalam negara serta beberapa koleksi peribadi penyelidik. Di perpustakaan utama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), telah ditemui buku utama dan rujukan penting yang membincangkan perihal *Tasarrufat Nabawiyyah* secara terperinci. Bahan kajian yang telah di temui ialah: a) Fuad Husni Qala' (2006). Kitab *Maqāṣid Tasarrufat Rasūl SAW*. Muassasah al-Risalah. b) 'Abd al-Ghanī 'Abd al-Haq (1995). *Hujjiah al-Sunnah*. Al-Ma'had al-'Aalami al-FIkri al-Islami. c) Muṣṭafā al-Sibā'ī (2010) *Al-Sunnah wa Makānūtuhā fi al-Tashrīf al-Islāmī*. Dar as-Salam. e) Al-Qādī 'Iyādh. (1981). *As-Shifā fi Ta'rīf Huqūq al-Muṣṭafā*. Dar al-Kutub al-Ilmiah. Penyelidik juga telah mengakses khidmat perpustakaan dalam talian UIAM bagi mendapatkan maklumat daripada artikel yang telah diterbitkan dalam jurnal ilmiah. Antara data dan maklumat yang telah penyelidik temui ialah: a) Qāsim 'Umar Hajj Muhammad (2005). "At-Tibb an-Nabawī wa Qawā'id at-Ta'āmul ma'a al-Aḥādīth al-Wāridah fi Masā'il at-Tibbiah", Jurnal At-Tajdid, jilid 19, no.38, 2015.

Bagi koleksi peribadi penyelidik yang juga merupakan data dan maklumat yang dihimpunkan merupakan sebahagian besar daripada sumber kajian perbincangan kajian ini.-Antara rujukan penting yang digunakan sebagai rujukan ialah: a) Ibn l-Qayyim al-Jauziyah (2010). *At-Tibb an-Nabawī* (tahqiq) Shu'aib al-Arnout dan 'Abd al-Qādir al-Arnout. Muassasah al-Risalah al-'Alamiah. b) Shihāb al-Dīn al-Qarāfi. (2014). *Al-Furūq* (tahqiq) 'Umar Hassan al-Qiyām. Muassasah al-Risalah al-'Alamiah. c) Sa'ad al-Dīn al-'Uthmānī. (2012). *Al-Manhaj al-Wasāf fi at-Ta'āmul ma'a al-Sunnah an-Nabawiyyah*. Dar al-Kalimah. d) Taha Jābir al-'Alwānī (2014). Al-Ma'had al-'Alami al-Fikr al-Islami. e) Mohd Asri Zainul Abidin (2006). *Sabab Wurūd al-Hadith: Dawābiṭ wa Ma'āyir*. Dar al-Kutub al-Ilmiah. F) Mohd Kamal Hassan (2018). *Natural Science from The Worldview of The Quran: An Introduction*. Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Berhad.

Analisis Data

Secara asasnya, perbincangan kajian yang dilakukan penyelidik berkait rapat dan membabitkan elemen pendapat dan pemikiran. Di samping itu, kajian yang dijalankan bertemakan Usul Fikah dan aplikasinya pada hadis perubatan. Oleh itu, segala maklumat berkaitan *Tasarrufat Nabawiyyah* dalam hadis perubatan akan diolah dan dianalisis secara induktif dan deduktif. Metod induktif digunakan untuk mencari bukti, fakta dan data yang bersifat khusus pada kajian untuk memperoleh satu kesimpulan secara umum. Metod deduktif pula digunakan bagi mengeluarkan kesimpulan daripada data yang bersifat umum bagi tujuan khusus.

Segala maklumat yang telah dianalisis akan dipaparkan secara deskriptif, iaitu maklumat tersebut disampaikan dengan gambaran sesuatu kajian yang telah dilaksanakan. Sesuai dengan kajian ini yang berasaskan sumber primer dan sekunder, maka kajian deskriptif ialah metode terbaik bagi kajian ini.

■4.0 HASIL KAJIAN

Definisi Sains Kesihatan

Perkataan sains diterjemahkan dalam Bahasa Arab sebagai الحلم. Perkataan 'ilmu' ataupun sains telah didefinisikan oleh sarjana silam sebagai satu medium yang menjadi penghubung seseorang untuk mengetahui sesuatu (Al-Jurjānī, 1983). Di sisi pengkaji Barat, penilaian sains perlu berpaksi kepada aktiviti amali dan praktikal (J.W.N. Sollivan, 1973) kerana sains pada mafhumnya merupakan satu kajian yang memerlukan keinginan untuk tahu yang tinggi, serta imaginasi objek yang perlu diperhalus kajiannya.

Penetapan definisi kesihatan secara jazam tidak mencapai kata sepakat oleh Barat. Hal ini kerana berlaku perubahan pada falsafah dan prinsip nilai kesihatan dari zaman ke zaman (Lyn Robinson, 2010). Oleh itu, para sarjana Barat telah mendefinisikan kesihatan menurut perspektif lapangan kajian mereka. Menurut Alan Clarke, maksud kesihatan dapat dirumuskan kepada empat elemen utama, iaitu

bebas daripada sebarang diagnos penyakit klinikal, bebas daripada sebarang wabak, sihat fizikal dan mental dan berkelakuan dengan sifat manusia normal (Alan Clarke, 2010).

Perbincangan bagi menetapkan definisi secara tepat bagi kesihatan sentiasa giat dijalankan menerusi forum, jurnal mahupun temu bual. World Health Organization (WHO) telah mengeluarkan definisi kesihatan secara umum mencakupi elemen perbincangan sarjana yang mementingkan kesihatan aspek jasmani dan spiritual. Menurut WHO, kesihatan didefinisikan sebagai keadaan seseorang yang sempurna fizikal, mental dan sosialnya serta bebas daripada sebarang diagnos wabak dan sakit secara pasti (Gavin, Mooney, 2003).

Oleh itu, menurut penyelidik, Sains Kesihatan boleh didefinisikan sebagai suatu disiplin kepada aplikasi ilmu sains pada manusia dan haiwan. Sains Kesihatan terbahagi kepada dua elemen (Science Daily, www.sciencedaily.com):

1. Penyelidikan, kajian dan penguasaan teori berkaitan kesihatan.
2. Aplikasi teori bagi menambah baik taraf kesihatan, menyembuhkan penyakit dan memahami cara manusia dan binatang berfungsi.

Skop kajian masalah yang dibincangkan dalam artikel ini merupakan satu penyelidikan yang dilakukan terhadap manusia berdasarkan kefahaman terhadap teks agama.

Perilaku Nabi SAW berbentuk bimbingan dan saranan

Perilaku Nabi SAW sebagai seorang pembimbing tidak termasuk sebagai kategori pensyariatan yang bersifat umum. Perilaku Nabi SAW di bawah kategori ini adalah untuk membimbangi umat Islam beramal dengan adab yang baik, akhlak yang mulia, budi pekerti yang terpuji, membina biah dan suasana yang harmoni serta membimbangi umat Islam mengatur urusan dunia mereka.

Antara contoh yang jelas daripada perbuatan Nabi Muhammad SAW yang memerintah sahabatnya melakukan sesuatu sebagai bimbingan dan nasihat, dan bukan sebagai hukum syarak yang wajib dipatuhi:

1. Daripada Jābir r.a., bahwasanya Nabi Muhammad SAW melarang seseorang lelaki untuk memakai sandalnya dalam keadaan berdiri (Abu Daud, 2009). Jika perintah Nabi SAW difahami sama seperti perintahnya ketika menyeru para sahabat untuk bersolat, maka difahami bahawa memakai sandal atau selipar dalam keadaan berdiri merupakan satu kesalahan di sisi agama. Tafsiran ini tidaklah begitu tepat kerana yang telah diperintahkan Nabi SAW ialah galakan untuk memudahkan urusan memakai sandal jika dia berada dalam keadaan duduk. Faktor kestabilan dan kedudukan diambil kira dalam hal ini. Menurut al-Khattabi, perintah Nabi SAW agar tidak memakai sandal dalam keadaan berdiri adalah kerana hal itu lebih memudahkan seseorang dan lebih menjadikannya mampu untuk menyempurnakan kerjanya (Al-Khaṭṭābī, 1932).
2. Diriwayatkan daripada Abū Hurairah r.a., bahwasanya Nabi Muhammad SAW telah bersabda: "Janganlah kamu minum dalam keadaan berdiri, barang siapa yang meminumnya sedangkan dia terlupa, maka muntahkannya keluar" (Muslim, 2000). Perintah yang terdapat pada hadis tersebut merupakan satu didikan Baginda SAW kepada umatnya agar sentiasa menjaga adab meskipun dalam hal yang kecil. Imam An-Nawawi berpandangan bahawa perintah yang datang daripada hadis ini bermaksud *istihbab* (Al-Nawawī, 1982).

Perilaku Nabi SAW sebagai seorang mufti.

Perilaku Nabi S.A.W sebagai seorang mufti merupakan perilaku yang dominan dalam hadis-hadis Nabi S.A.W kerana tugasan seorang rasul itu adalah untuk menyampaikan wahyu kepada umat manusia. Maka, apa-apa yang datang daripada Nabi SAW yang berbentuk fatwa, maka dikira sebagai hukum syariat. *Taṣarrufāt* Nabi SAW sebagai seorang mufti termasuklah perkataan, perbuatan mahupun ikrar Nabi SAW pada hukum-hakam seperti solat, puasa, zakat dan haji. Perkara yang disebutkan merupakan rukun agama yang wajib diikuti oleh umat Islam. Fu'ād Husnī Qala' berpandangan bahawa *taṣarrufāt* Nabi SAW sebagai seorang mufti ini tergolong dalam hukum yang disyariatkan.

Antara contoh hadis berkaitan kategori *taṣarrufāt* ini:

1. Diriwayatkan bahawa Nabi SAW telah ditanya oleh para sahabatnya berkaitan cara-cara bersolat, sabda Baginda: "Jika kamu berkehendak untuk mendirikan solat, maka ratakanlah wuduk (pada anggota wuduk), hadaplah ke arah qiblat lalu bertakbirlah, maka bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat daripada al-Quran, kemudian lakukanlah rukuk serta tamakninah. Kemudian angkatlah kepalamu sehingga kamu kembali berdiri tegak, lalu turunlah untuk bersujud berserta tamakninah. Kemudian bangunlah untuk duduk berserta tamakninah. Kemudian turunlah semula untuk bersujud berserta tamakninah dan bangunlah sehingga kamu berdiri tegak. Lakukan perbuatan ini dalam setiap solat kamu" (Bukhari, 1999). Hadis ini merupakan *taṣarrufāt* Nabi SAW sebagai seorang mufti kerana hadis ini merupakan keterangan berkaitan hukum-hakam agama. Oleh itu, barang siapa yang tidak mendirikan solat seperti yang telah diajarkan oleh Nabi SAW, maka dia perlu untuk mengulangi perbuatan tersebut (Ibn Hajar, 1960).
2. Daripada Abdullah bin 'Abbās, beliau berkata: Seorang lelaki pada zaman Rasullullah SAW telah ditimpak luka yang berat, kemudian dia telah bermimpi. Maka para sahabat yang lain memerintahnya untuk mengangkat hadas besar dengan menggunakan air, lalu dia maut akibat perbuatan mandi tersebut. Berita ini telah disampaikan kepada Nabi SAW lalu bersabda: "Memadai baginya untuk bertayammum" (Abu Daud, 2009). Hadis ini menjadi dalil kepada kaedah universal Islam '*Al-Masyaqqah tajlib al-Taysīr*', iaitu sesuatu kepayahan itu mendarangkan kemudahan dan keringanan. Oleh itu, kata-kata Nabi SAW daripada petikan hadis ini merupakan fatwa Nabi SAW supaya memilih jalan mudah dan meninggalkan jalan yang menyukarkan.

Perilaku Nabi SAW sebagai seorang hakim

Menurut Jabbah Jī, *taṣarrufāt* Nabi SAW sebagai hakim ialah keputusan yang diputuskan oleh Nabi Muhammad SAW selepas mendengar hujah dan *qarīnah* daripada pihak plaintif dan defenden dalam sesuatu kes. Oleh itu, keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah Rasulullah SAW tidak bersifat syumul kepada semua pihak kerana keputusan yang dibuat adalah berdasarkan dua pihak yang bertelagah di mahkamah tanpa melibatkan pihak lain (Jabbah Ji, t.t).

Oleh hal yang demikian, perilaku Nabi SAW ketika menjadi hakim tidak wajar bagi pihak tertentu untuk membelakangkan keputusan yang telah dibuat di mahkamah Rasulullah SAW dan hanya keputusan yang telah dibuat oleh hakim sahaja terpakai (Al-Qarāfi, 2014).

Terdapat beberapa hadis yang jelas menerangkan konteks bicara Nabi SAW sebagai seorang hakim:

1. Hindun binti ‘Utbah telah mengadu sikap Abū Sufyan yang kedekut dalam memberikan wang belanja kepadanya. Lalu Nabi Muhammad SAW bersabda: “Ambillah daripada hartanya sekadar yang mencukupi buat dirimu dan anakmu dengan baik” (Bukhari, 1999).

Berdasarkan hadis ini, Imam Mālik berpandangan bahawa tidak harus bagi si isteri mengambil harta suaminya tanpa pengetahuannya, melainkan jika setelah mendapat perintah hakim (Al-Qarāfi, 2014). Imam Mālik telah mengklasifikasikan hadis ini di bawah kategori *tasarrufat* Nabi SAW sebagai seorang hakim. Maka, dapat difahami bahawa ijтиhad yang keluar daripada Nabi dalam kes ini hanya merangkumi kes yang melibatkan isu tertentu tanpa melibatkan pihak lain.

Pandangan ini berbeza dengan pegangan Imam as-Syafie yang menyatakan bahawa si isteri berhak secara mutlak mengambil daripada harta suaminya tanpa pengetahuannya si suami walaupun tanpa perintah daripada hakim (Al-Qarāfi, 2014).

Perilaku Nabi SAW sebagai seorang pemimpin

Menurut Sa‘ad al-Din al-‘Uthmānī, *taṣarrufāt* Nabi SAW sebagai seorang pemimpin merupakan perilaku Baginda SAW yang bersifat sebagai pemimpin umat Islam, ketua bagi sesebuah negara dan mentadbirnya untuk mencapai maslahah dan menghindarkan mafsadah (Al-‘Uthmānī, 2012).

Sebagai seorang pemimpin, pandangan yang terbit daripadanya berasaskan kemaslahatan kepada rakyatnya dan menghindarkan mereka daripada keburukan dan bala bencana dengan usaha yang maksimum. Oleh itu, jika *taṣarrufāt* Nabi SAW sebagai seorang mufti merupakan pensyariatan secara syumul atas orang Islam, hal ini berbeza dengan *taṣarrufāt* Nabi SAW sebagai seorang pemimpin. Pandangan Nabi SAW sebagai pemimpin berasaskan situasi, keadaan politik, geografi, ekonomi ataupun sosial sesebuah negara. Keadaan negara Madinah pada zaman Nabi SAW tidak sama seperti negara-negara moden hari ini. Perubahan zaman, geopolitik dan gaya hidup masyarakat telah memberikan kesan terhadap struktur kepimpinan sesebuah negara. Oleh itu, perlu dihayati teks hadis Nabi SAW yang mempunyai hubung kait dengan sifat Baginda SAW sebagai seorang pemimpin.

Antara hadis yang menjelaskan sifat Baginda SAW sebagai seorang pemimpin:

1. Daripada Nubaishah r.a., bahwasanya Rasulullah SAW telah bersabda: “Aku telah melarang kalian untuk simpan daging korban melebihi tiga hari, (pada hari ini) makanlah dan simpanlah” (Ibn Majah, 2009). Hadis ini menerangkan bahawa larangan sementara oleh Nabi SAW untuk menyimpan daging korban disebabkan faktor ekonomi semasa. Masyarakat Islam ketika itu berada dalam keadaan susah. Hajat dan keperluan mereka terhadap makanan sangat tinggi. Oleh itu, Nabi SAW mengarahkan daging korban untuk dibahagikan dan melarang para sahabatnya untuk menyimpannya melebihi tiga hari. Ijтиhad Nabi SAW berubah selari dengan perubahan zaman dan keadaan ekonomi masyarakat. Oleh itu, sebagai seorang pemimpin, Masyarakat tidak hidup melerat, taraf ekonomi semakin baik. Berdasarkan dua ijтиhad yang berbeza ini menunjukkan bahawa Baginda SAW melihat secara holistik neraca pertimbangan antara maslahah dan mafsadah rakyatnya. Namun begitu, apabila keadaan mendesak kepada perlunya agihan daging kepada golongan fakir, pada ketika itu perlu dirujuk pandangan Nabi SAW yang melarang untuk menyimpan daging. Hal ini seperti yang telah dilakukan oleh ‘Alī dan Ibn ‘Umar (Al-Mubārakfūrī, t.t).

2. Anas bin Mālik r.a. telah berkata bahawa telah berlaku kenaikan harga barang di Madinah pada zaman Rasulullah SAW, maka para sahabat ketika itu mengadu pada Rasulullah agar ditetapkan harga barang mereka, lalu Baginda SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT yang menetapkan harga, Dialah yang memegang rezeki, Dia jualah yang membentangkan rezeki dan Dialah yang Maha Pemberi Rezeki. Sesungguhnya aku berharap untuk berjumpa Allah SWT dalam keadaan tiada seorang pun datang untuk menuntut daripadaku kezaliman darah dan harta” (Tirmidhī, 2009). Hadis ini merupakan contoh *taṣarrufāt* Nabi SAW sebagai seorang pemimpin (Al-‘Uthmānī, t.t). Keputusan yang dibuat Rasulullah SAW berdasarkan situasi ekonomi semasa bagi meraikan maslahah umum masyarakat, tanpa menyalimi hak penjual. Oleh itu, para pemimpin perlu meraikan maslahah kaum muslimin sebagai rakyat yang membeli tanpa mendiskriminasi hak penjual, jika tidak tema besar reda dalam akad jual beli tidak akan tercapai (Al-Mubārakfūrī, t.t).

Oleh itu, Imam Mālik berpandangan bahawa diharuskan untuk pemimpin menetapkan harga barang jika terdapat maslahah yang perlu dicapai (Al-Ṣāñī, 2014). Pandangan ini juga disokong oleh Ibn Taimiyah (Ibn Taimiyah, 2011) dan dipraktikkan oleh pemimpin negara hari ini. Oleh itu, dalam konteks ekonomi hari ini, penetapan harga barang yang dilakukan oleh kerajaan terhadap barang asasi seperti beras, gula, tepung dan lain-lain merupakan inisiatif bagi menjaga maslahah masyarakat.

Perilaku Nabi SAW bersifat manusawi

Para sarjana berpandangan bahawa perilaku Nabi SAW bersifat manusawi ialah perbuatan yang bersifat Baginda SAW berbentuk *jibilliyah*. Nabi SAW makan, minum, berkahwin seperti manusia lain dan melakukannya dalam rutin harian. Perilaku Nabi SAW yang bersifat manusawi tidak boleh diletakkan pada kedudukan syariat seperti hukum-hakam yang melibatkan solat, puasa, zakat dan semisalnya. Hal ini kerana perilaku Nabi SAW ini terikat dengan faktor geografi negara arab dan biologi Nabi SAW yang dilahirkan dalam

keluarga berbangsa Arab. Oleh itu, *taṣarrufāt* Nabi SAW yang berkaitan dengan perbuatan *jibilliyyah* atau urusan bersifat dunia tidak termasuk sebagai hukum yang disyariatkan (Al-Ashqar, 2009).

Antara contoh hadis yang menerangkan *tasarrufat* Nabi SAW yang bersifat manusiawi:

1. Diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar, bahwasanya seorang lelaki telah bertanya berkaitan daging *dab* kepada Rasulullah SAW Jawab Baginda SAW: “Tidaklah aku memakan daging *dab* tersebut dan tidak pula aku mengharamkannya” (An-Nasā’ī, 2009).
2. Daripada Aishah r.a., beliau berkata: “Sesungguhnya manisan dan madu merupakan makanan kegemaran Rasulullah SAW” (Ibn Majah, 2009).

Petikan hadis di atas merupakan contoh perbuatan Nabi SAW yang bersifat insani yang memerlukan makanan seperti manusia lain yang berhajat kepada makanan.

Tidak memakan daging *dab* bukanlah dalil kepada pengharamannya. Hal ini kerana tidak menjadi kebiasaan bagi kabilah Quraisy menjadikan daging *dab* sebagai santapan mereka seperti yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawa daging *dab* bukanlah makanan yang menjadi kebiasaan Baginda SAW (Muslim, 2000).

Begitu juga manisan dan madu yang menjadi kegemaran Rasulullah SAW menjadi kebiasaan bangsa Arab yang meminati manisan. Namun begitu, hal ini bukanlah bukti yang mewajibkan manisan dan madu untuk dijadikan makanan rutin. Nabi SAW bersifat manusiawi dan berbangsa Arab, oleh itu pemakanan dan gaya hidup Baginda SAW haruslah terkesan dengan budaya dan adat Arab.

Tasarrufat Nabawiyah dalam hadis perubatan.

Jika diteliti hadis Nabi Muhammad SAW berkaitan isu perubatan, maka didapati bahawa Baginda SAW memberikan ruang yang luas kepada umatnya untuk memilih kaedah rawatan yang terbaik selari dengan kadar sakit yang menimpa mereka.

Baginda SAW memberikan saranan kepada para sahabat untuk merawat sakit yang menimpa mereka dengan pelbagai inisiatif berdasarkan petunjuk yang dikurniakan kepada Baginda SAW. Daripada Usamah bin Syarik, bahwasanya Nabi Muhammad SAW telah bersabda: “Benar wahai hamba-hamba Allah, rawatlah segala penyakit kalian, sesungguhnya Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan turun bersamanya penawar” (Al-Tirmidhī, 2009). Hadis ini menjelaskan bahawa merawat sesuatu penyakit dianggap harus dan tidak termasuk sebagai perkara yang makruh dan tidak disukai (Al-Mubārakfūrī, t.t.).

Oleh hal yang demikian, banyak contoh yang boleh diambil daripada hadis Nabi SAW yang memberikan jalan keluar kepada para sahabat yang ditimpa penyakit untuk merawat segala macam jenis penyakit:

1. Daripada Asma’ binti Abū Bakar r.a., apabila beliau didatangi wanita yang ditimpa demam panas, maka beliau memerintahkan untuk menyejukkan badan dengan air berdasarkan sabda Baginda SAW.
2. Daripada Aisyah r.a., bahwasanya Nabi Muhammad SAW telah bersabda: “Sesungguhnya talbinah mampu membesarakan (mengembirakan) hati-hati orang yang sakit serta menghilangkan sebahagian kesedihan” (Al-Bukhārī, 1999).
3. Daripada Abu Hurairah r.a., beliau mendengar Nabi Muhammad SAW bersabda: “Sesungguhnya Habatussauda merupakan penawar bagi segala penyakit, kecuali penyakit kematian” (Al-Bukhārī, 1999).
4. Diriwayatkan daripada Anas bin Mālik, telah datang sekumpulan Arab Bani ‘Arinah, lalu mereka ditimpa penyakit (disebabkan ketidaksesuaian cuaca), maka baginda mengarahkan mereka untuk minum air susu dan kencing unta (Al-Tirmidhī, 2009)
5. Daripada Abu Hurairah r.a., Baginda SAW bersabda: “Barang siapa yang berbekam pada hari ke-17, hari ke-19 dan ke-21, baginya penawar bagi segala penyakit” (Al-Tirmidhī, 2009).

Hadis-hadis yang dinyatakan merupakan antara contoh fatwa daripada Baginda SAW kepada para sahabat dalam urusan mendapatkan rawatan. Jika dilihat dan dinilai hadis-hadis ini, maka didapati bahawa kebanyakannya saranan yang Baginda SAW tidak bersifat *ilzam* ataupun wajib secara mutlak. Ruang ijtihad dalam ilmu perubatan sangat luas, dan berkait rapat dengan keadaan semasa dan geografi sesebuah negara. Situasi dan bahan sesuatu tempat merupakan salah satu faktor utama kepada wujudnya wabak dan sakit yang berbeza di setiap tempat. Negara yang panas tidak sama rutin harianya dengan negara sejuk. Oleh itu, Ibn Qayyim al-Jauziyah telah membezakan fungsi teknik rawatan bekam yang sesuai diamalkan di negara panas berbanding di negara sejuk (Ibn Qayyim, 2010).

Menurut pandangan sejarawan Islam Sa’id al-Andalusi, teknik rawatan dan ilmu perubatan yang muncul dalam era awal Islam merupakan ilmu yang diwarisi oleh tokoh perubatan semenjak zaman jahiliah dahulu (Sa’id al-Andalusi, 1983). Begitu juga Ibn Khaldūn menyatakan bahawa ilmu perubatan yang muncul pada era awal Islam ialah ilmu yang bersifat tabii dan tidak dianggap sebagai hukum yang datang daripada agama (Ibn Khaldun, 2004).

Oleh hal yang demikian, dalam era awal Islam, telah muncul doktor atau pengamal perubatan seperti al-Hārith bin al-Kaladah al-Thaqafī yang telah menuntut ilmu perubatan di Parsi dan memberikan fokus terhadap ilmu pencegahan penyakit (Hajj Umar, 2015).

Tugas Rasulullah SAW sebagai utusan yang menyampaikan wahyu dan mengajar umat manusia tentang urusan agama mereka. Oleh itu, fokus utama Baginda menyebarkan syariat kepada seluruh alam, bukan mengajarkan manusia tentang ilmu perubatan. (Al-Qurrah Dāghī dan Al-Muhammadī, 2011).

Oleh itu, *Taṣarrufat Nabawiyah* dalam isu perubatan sewajarnya diletakkan sebagai *Taṣarrufat Irshādīah*, iaitu saranan dan galakan yang bersifat tidak mewajibkan untuk beramlal secara mutlak dan menafikan usaha dan ikhtiar lain untuk mencari penawar bagi sesuatu penyakit. Tidak semua lafadz perintah yang datang daripada Nabi Muhammad SAW bersifat perintah secara mutlak. Adakah dapat difahami dengan makna sunat atau harus mengikut konteks dan keadaan Nabi SAW pada ketika itu (Hajj Umar, 2015).

Tiada khilaf di sisi sarjana Uṣūl al-Fiqh bahawa lafadz perintah yang datang daripada Nabi Muhammad SAW boleh difahami dengan pelbagai erti dan makna (Al-Durainī, 2013). Antara makna yang difahami daripada lafadz perintah yang terdapat dalam nas-nas ialah *nadab*, *ibāhah*, *imtinān*, *ihānah*, *takzīb*, *i’tibar* (Sālih, 2008). Oleh itu, lafadz yang terdapat pada hadis perubatan tidaklah secara konsisten difahami dengan maksud perintah, akan tetapi boleh juga difahami dengan makna saranan dan galakan yang membawa kepada hukum sunat atau harus. Walau bagaimanapun, jika terdapat pandangan sarjana yang meletakkan hadis berkaitan perubatan di tempat hukum syarak, perlu

difahami bahawa hukum-hakam syarak termasuk *wajib*, *sunat* dan *ibahah*. Isu perubatan termasuk dalam kategori harus tersebut (Ibn Taimiyah, 2011).

Ijtihad Nabi Muhammad SAW dalam isu perubatan termasuk dalam kategori pandangannya terhadap isu dunia. Oleh itu, lafaz wajib yang datang daripada Baginda SAW tidak sama kedudukannya seperti pandangan Baginda SAW dalam hal ehwal agama Islam. Hal ini seperti yang kisah yang diriwayatkan oleh Imam Muslim berkaitan pendebungan tamar yang dilakukan oleh segelintir orang Arab, lalu Nabi SAW menegah mereka dan menyarankan agar tidak melakukan pendebungan kerana pada pandangan Baginda SAW, perkara itu tidaklah dikira sebagai sesuatu perkara yang baik. Namun begitu, setelah mereka meninggalkan proses tersebut, hasil tamar mereka menjadi kurang baik dan tidak berkualiti. Hal ini telah disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW, seraya Baginda SAW bersabda: "Kalian lebih mengetahui urusan dunia kalian" (Muslim, 2000).

Pandangan Nabi Muhammad SAW dalam isu pendebungan tamar ini adalah daripada sangkaan Baginda SAW. Nabi Muhamma SAW bukanlah dalam kalangan petani. Namun begitu, apa-apa yang diucapkan oleh Baginda SAW pada waktu itu dianggap sebagai wahyu oleh kaum Arab tersebut, maka mereka akur terhadap perintah tersebut (Al-Qardāwi, 2013). Setelah khabar hasil tamar yang merosot sampai kepada Baginda SAW, segera Baginda SAW menarik semula pandangan yang telah dikeluarkan dan membiarkan mereka untuk menguruskan urusan dunia mereka.

■5.0 KESIMPULAN

Setelah melakukan penelitian terhadap teks hadis perubatan Nabi SAW dan konteks perbincangan hadis tersebut yang terikat dengan sosiobudaya Nabi SAW sebagai orang Arab dan geografi negara Madinah, dapat disimpulkan bahawa *Tasarrufat Nabawiyyah* dalam hadis perubatan dikira sebagai saranan dan bimbingan yang tidak sampai kepada hukum, wajib. Meskipun terdapat hadis yang menjelaskan perintah Nabi SAW kepada sahabatnya untuk merawat penyakit dengan ubatan tertentu, hal ini bukanlah justifikasi kepada kewajipan untuk meninggalkan kaedah rawatan lain. Terdapat hadis yang menyeru agar umat Islam yang ditimpa penyakit agar mencari inisiatif rawatan dan terus berikhtiar merawatnya. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Nabi SAW bersabda: "Rawatlah sakit kalian, kerana Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan Dia kurniakan penawar (bagi penyakit tersebut)" (Bukhari, 1999). Hadis ini menjelaskan bahawa konsep ikhtiar dalam mencari penyelesaian dan kesembuhan sesuatu penyakit terbuka luas, tidak hanya bermain sekitar kaedah rawatan yang disebutkan dalam hadis.

Oleh sebab itu, al-Ghazali telah menegaskan bahawa seseorang yang berikhtiar mencari penawar bagi penyakitnya tidaklah sikapnya itu bercanggah dengan konsep tawakkal (Al-Ghazālī, 2010). Pandangan ini juga didokong oleh sarjana lain seperti Al-Qurrah Dāghi dan al-Muhammadī (al-Qurrah Dāghi dan Al-Muhammadī, 2011).

Agama Islam agama rahmat. Rahmatnya tidak terikat hanya pada zaman dan keadaan tertentu. Sifat fleksibiliti Islam meraikan perubahan zaman dan gaya kehidupan masyarakat tanpa mendiskriminasi adat dan budaya masyarakat tertentu. Oleh itu, Islam meraikan uruf dan adat setempat bagi sesuatu etnik selagi tidak bercampur dengan perkara-perkara yang mungkar. Sifat fleksibiliti ini menjadi jaminan kepada nilai Islam yang sentiasa konsisten menjaga maslahah manusia dan sesuai diamalkan sepanjang zaman.

Rujukan

- Abū Daud, Sulaymān al-Ash'ath. (2009). Tahqiq: Abu Thahir Zubair bin Ali Zay'. *Sunan Abū Daud*. Dar as-Salam lil Nasyr wa at-Tauzie'.
- Al-Durainī, Fatiḥī. (2013). *Al-Manāḥij al-Uṣūliyah fi al-Ijtihād bi ra'yī fi at-Tashri'*. Muassasah al-Risalah.
- Al-'Alwāni, Taha Jābir. (2014). *Ishkāliyah at-Ta'āmul ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Al-Māhad Al-A'lami al-Fikr al-Islami.
- Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā'il. (1999). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dar as-Salam lil Nasyr wa at-Tawzī'.
- Al-Ghazālī, Muhammad bin Muhammad. (2010). Tahqiq: Ali Muhammad Mustafa. *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*. Dar al-Faiha'.
- Al-Khaṭṭābī, Ḥammād bin Muhammad bin Ibrahim. (1932). *Ma'ālim fi al-Sunan*. Al-Matba'ah al-Ilmiah.
- Al-Mubārakfūrī, Muhammad Abd al-Rahman bin Abd al-Rahim. (t.t.). *Tuhfah al-Āhwāzī sharh Sunan al-Tirmidhī*. Dar al-Kutub al-'ilmiah.
- Al-Mubārakfūrī, Ṣafiy al-Rahmān. (2014). *Al-Rahīq al-Makhtūm*. Dar Ibn al-Jauzi.
- Al-Qāḍī Iyādh. (1981). *As-Shifā fi bī Ta'rīf Huqūq al-Muṣṭafā*. Dar al-Fikr.
- Al-Qarāfī, Ahmad bin Idris. (2014). Tahqiq: Umar Hassan al-Qayyim. *Al-Furuq*. Muassasah ar-Risalah.
- Al-Qardāwī, Yusuf. (2008). *Dirasah fi Fiqh Maqasid as-Syariah*. Dar as-Syuruq.
- Al-Qardāwī, Yusuf. (2013). *Kaifa Nata'āmul ma'a as-Sunnah*. Dar as-Syuruq.
- Al-Quḍāḥ, Sharf Mahmūd. (t.t.). Hal Ahadis at-Tibb an-Nabawi Wayh?.
- Al-Qurrah Dāghi dan Al-Muhammadī. (2011). *Fiqh al-Qadāyāt at-Tibbiyah al-Mu'āsirah*. Dar an-Nasha'ir al-Islamiah.
- Al-'Uthmānī, Sa'ad al-Dīn. (2002). *Al-Taṣarrufāt An-Nabawiyyah bi al-Imāmah*. Dar al-Baidha'.
- Al-Uthmānī, Sa'ad al-Dīn. (2012). *Al-Manhaj al-Wasaṭ fi at-Ta'āmul ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Dar al-Kalimah.
- Al-'Uthmānī, Sa'ad al-Dīn. (2013). *Al-Taṣarrufāt an-Nabawiyyah al-Iṛshādiyah Simat wa Namādhij*.
- Alan Clarke. (2010). *The Sociology of Healthcare*. Pearson Education Limited.
- Al-Nasā'i, Ahmad bin Syuāib. (2009). Tahqiq: Abu Thahir Zubair bin Ali Zay'. *Sunan al-Nasā'i*. Dar as-Salam lil Nasyr wa at-Tauzie'.
- Al-Nawawī, Yahya bin Sharf. (1982). *Al-Minhāj sharh Sāhih Muslim*. Dar al-Ihya' at-Turath.
- As-Šan'ānī, Muhammad bin Ismā'il al-Amīr. (2014). Tahqiq: Muhammad Šubḥī Hasan Hallāq. *Subul al-Salām*. Dar Ibn Jauzi.
- At-Tirmidhī, Muhammad bin Isā. (2009). Tahqiq: Abu Thahir Zubair bin Ali Zay'. *Sunan At-Tirmidzī*. Dar as-Salam lil Nasyr wa at-Tauzie'.
- Gavin Mooney. (2003). *Economics, Medicine and Health Care*. Pearson Education Limited.
- Ibn al-Khalḍūn. (2004). Tahqiq: Abdullah Muhammad Darwish. *Mugaddimah Ibn Khaldūn*. Dar al-Kutub al-'ilmiah.
- Ibn 'Ashūr, Muhammad bin Tāhir. (2004). Tahqiq: Muhammad al-Habib. *Maqāṣid al-Shārī'ah Islamiyah*. Wizarah al-Awqaf wa Syu'un al-Islamiah.
- Ibn Hajar al-'Asqalānī, Ahmad bin 'Alī. (1960). Tahqiq: Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi dan Muhib al-Dīn al-Khatib. *Fath al-Bari sharh Sāhih al-Bukhārī*. Dar al-Ma'rifa.
- Ibn Mājah, Muhammad bin Yazid. (2009). Tahqiq: Abu Tāhir Zubair bin 'Alī Zay'. *Sunan Ibn Mājah*. Dar as-Salam lil Nasyr wa at-Tauzie'.
- Ibn Qayyim al-Jauziyah, Muhammad bin Bakar. (2010). Tahqiq: Shu'aib al-Arnout dan Abd al-Qādir al-Arnout. *Al-Tibb al-Nabawi*. Muassasah al-Risālah al-'Alamiah.
- Ibn Qayyim al-Jauziyah, Muhammad bin Bakar. (2014). Tahqiq: Shu'aib al-Arnout dan Abd al-Qādir al-Arnout. *Zād al-Ma'ād*. Muassasah al-Risālah al-'Alamiah.
- Ibn Taimiyah, Ahmad bin Abdul Halim. (2011). Tahqiq: 'Āmir al-Jazzar dan Anwār al-Bazz. *Majmu'ah al-Fatāwā*. Dar al-Wafa' li an-Nashr wa at-Tawzī'.
- Jabbah Jī. (t.t.). *Maqāmat al-Taṣarrufāt al-Nabawiyyah*. *Silsilah al-Mabāhith al-Ūṣūliyah*.
- J.W.N. Sullivan. (1973). *The Limitation of Sciences*. Augustus M.Kelley Publisher.

- Linda Rafter, Tim Reynolds, Mark Collier, Mark Rafter (2017)A Clinical Evaluation of Algivon Plus Manuka Honey Dressings for Chronic Wounds, *Wounds UK*, 13(4), 80-140
- Lyn Robinson. (2010). *Understanding Healthcare Information*. Facet Publishing. United Kingdom
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2006). *Sabab Wurūd al-Hadīth: Dāwabit wa Ma 'ayir*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Mohd Kamal Hassan. (2018). *Natural Science Drom The Worldview of The Quran: An Introduction*. Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Berhad. Malaysia
- Muslim bin Ḥajjāj. (2000). *Sahīh Muslim*. Dar as-Salam lil Nasyr wa at-Tawzī'.
- Sa'īd ad-Andalūsī. (1983). Tahqīq Hayatul 'Aid Bau'alan. *Tabaqāt al-Umam*. Universiti Amerika Beirut.
- Science Daily, (https://www.sciencedaily.com/terms/health_science.htm)
- Sālih, Muhammad Adīb. (2008). *Tafsīr al-Nuṣūs fī al-Fiqh al-Islāmī*. Al-Maktab al-Islami.
- 'Umar Qāsim Hajj Muhammad. (2015). At-Tibb an-Nabawi wa Qawa'id at-Ta'amul ma'a al-Ahādith fi al-Masā'il at-Tibbiyah. *Jurnal at-Tajdid*, 14(38), 82-110
- Zabīlah, Ahmad bin Muhammad. (2007). Al-Hijāmah wa Fawā'iduhu wa ma tushilu ilahi at-Tibb an-Nabawi fi Ḏau' al-Sunnah al-Muṭahharah. *Majalah Tihamah*, 8.